

09/10/2002

Anita tidak sabar meriahkan ABP-BH2002

SEPANG, Selasa - Penghibur antarabangsa, Anita Sarawak, yang akan memeriahkan Anugerah Bintang Popular Berita Harian 2002 (ABP-BH2002) di Arena of Stars, Genting Highlands, Ahad ini, tiba di sini hari ini.

Ketibaan Anita yang diiringi suaminya, Mohd Mahathir Abdullah, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) disambut Penolong Pengarang Hiburan Berita Harian, Roslen Fadzil, Ketua Pegawai Eksekutif KLIA Ekspres, Dr Aminuddin Adnan dan Penolong Naib Presiden Komunikasi Korporat KLIA Ekspres, Lily Rozita Abdul Rahman.

Tetap ramah seperti biasa, Anita melemparkan senyuman mesra pada peminat yang kebetulan berada di situ malah beliau tidak menolak permintaan beberapa kakitangan KLIA untuk bergambar bersama.

"Terima kasih kerana menyambut ketibaan saya. Seperti peminat, saya juga tidak sabar menantikan kemeriahan majlis anjuran Berita Harian. Jadi kita nantikan saja 13 Oktober ini," katanya.

Bergaya santai serba hitam, artis yang mesra dengan panggilan Kak Nita itu menggendong bersama dua patung kesayangannya, Cinta dan Rosellvelt.

Beliau turut mengenakan sepasang subang jed yang dihadiahkan Jewellery Circles ketika kunjungannya ke Kuala Lumpur pada majlis penajaan syarikat pengeluar barangan kemas terkemuka itu sebelum ini sempena ABP-BH2002.

Anita dan rombongan media kemudian diundang menaiki Express Rail Link, KLIA Ekspres dari KLIA ke KL Sentral sebelum menaiki limosin untuk ke Genting Highlands.

Ibarat buku bertemu ruas, majlis berprestij kali ke-15 ini turut menjanjikan kemeriahan berganda apabila Anita yang dipilih sebagai hos utama bakal bergandingan dengan pengacara Melodi, Raja Azura atau Kak Engku.

Dalam majlis yang akan disiarkan secara langsung menerusi TV3 bermula jam 4 petang, Kak Nita juga akan mengenakan barang perhiasan jed tajaan Jewellery Circles bersama 12 personaliti pilihan lain.